

ITNM dokumentasikan kisah dongeng rakyat

WANGSA MAJU — Kisah dongeng yang diangkat dari perpaduan pemikiran fiksyen dan kisah masyarakat setempat banyak menyampaikan pesanan moral selain mengandungi tujuan kehidupan serta cara berinteraksi dengan makhluk lain.

Namun begitu tidak banyak pihak yang ingin mengetengahkam kisah dongeng ini dibawa ke tatapan umum setelah kebanyakan kisah ini hanya dibualkan sewaktu zaman kecil apatah lagi kisah dongeng negara lain.

Atas usaha untuk mengangkat kembali minat orang ramai membaca kisah dongeng, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) selaku penerbit dan penyelanggara buku Holger Warnk dan Volker Wolf berusaha mendokumentasikan semua kisah dongeng berlatarkan cerita rakyat Malaysia dan Jerman dalam sebuah buku.

Buku yang dinamakan Kisah Dongeng dan Cerita Rakyat Malaysia & Jerman (Zweisprachige Anthologie Malaysischer und Deutscher Märchen) ini didokumen-



● Dr Wan Hashim (dua dari kiri) pada sidang media baru-baru ini.

tasikan dengan matlamat supaya ia dapat terus dihayati generasi akan datang.

Pengerusi ITNM, Datuk

Dr Wan Hashim Wan Teh berkata, buku ini diterbitkan hasil kerjasama antara ITNM dan Goethe-Institut Malaysia dengan bertujuan untuk mempromosikan bahasa, kebudayaan dan kesenian antara Jerman serta Malaysia.

Menurutnya, buku ini diterbitkan dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Melayu dan bahasa Jerman serta ia bukan sahaja memperkenalki

sab dongeng yang berkait dengan orang Melayu sahaja tetapi turut menghimpunkan beberapa kisah dongeng bangsa lain.

"Kisah dongeng di dalam buku ini mempunyai kaitan rapat dengan keadaan setempat jika dibandingkan dengan kisah seperti Cinderella, Hansel and Gretel, dan Snow White."

"Dalam buku ini, pembaca yang menghayati kisah Die Sternstaler Syiling Bintang akan dapat memahami dengan mendalam kebudayaan masyarakat Jerman."

"Beberapa juga dengan kisah Mahsuri, pembaca juga akan dapat mengetahui bentuk pentadbiran permenitan dan cara hidup Melayu suatu masa dahulu,"

kata Wan Hashim pada Majlis Wawancara Eksklusif bersama Holger Warnk dan Volker Wolf di Wisma ITNM baru-baru ini.

Wan Hashim berkata, diharapkan usaha kerjasama ini akan menarik dapat minat semula para pembaca meminati kisah dongeng dan seterusnya dihayati oleh generasi yang akan datang.

"Dengan terhasilnya buku dwibahasa ini, semoga pembaca turut dapat mempelajari dan memahami kebudayaan serta kesenian negara lain," katanya.

**kerjasama
kebudayaan**